

Mereka boleh cuba: Dr Mahathir

Kuala Lumpur: “Mereka boleh cuba”..

Itu reaksi ringkas Tun Dr Mahathir Mohamad ketika ditanya media mengenai cadangan bekas Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Hussein supaya UMNO dan PAS menyertai Pakatan Harapan (PH) tanpa DAP dan Parti Amanah Negara (AMANAH).

Pada sidang media selepas me-

nyampaikan uapctama pada Forum Kemiskinan sempena Hari Pembasmian Kemiskinan Antarabangsa 2019 semalam, Perdana Menteri juga ditanya sama ada Ahli Parlimen Sembrong itu pernah mencadangkan perkara itu pada pertemuan mereka sebelum ini.

“Tidak dibincang,” kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH).

Mengenai kenyataan Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin bahawa isu peralihan kuasa akan menyebabkan pelabur kurang melabur di negara ini berikutan ketidaktentuan politik, Perdana Menteri menafikan andaian berkenaan.

“Pelaburan langsung asing (FDI) yang masuk ke negara ini berjumlah berbilion ringgit, ma-

na ada kurang. Namun, kita memerlukan lebih banyak lagi pelaburan kerana ia mencipta pekerjaan.

“Kita perlu melalui pengalaman ini (ketidaktentuan ekonomi) kerana sebelum ini juga, kita berdepan masalah sama. Dulu ada percubaan untuk meruntuhkan ekonomi negara, tapi kita perlu hadapi masalah ini,” katanya.